



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Tel: 04 -2615613
Fax: 04 -2618618

Ruj. Kami : PSUKPP/05/0755/2(32)

Tarikh : 22 Rabiul Akhir 1426
31 Mei 2005

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN BIL. 1 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PORTAL KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai konsep dan pelaksanaan Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berperanan dalam penyaluran maklumat dan perkhidmatan kerajaan negeri kepada orang awam secara online.

PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

2. Pembangunan Portal Kerajaan Negeri yang berkonsepkan *Content Management System* telah membolehkan Jabatan/ Agensi Negeri memasuk dan mengemaskini kandungan di setiap saluran di bawah tanggungjawab Jabatan/ Agensi secara online. Ciri-ciri keselamatan juga ditekankan melalui konsep ini di mana pengguna yang sah sahaja boleh mengakses sistem dan mengikut had-had tertentu. Selain itu, fungsi penapisan kandungan juga ditekankan melalui pengwujudkan Pengurus Kandungan (*Content Administrator*) yang berperanan dalam memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan sesuatu kandungan sebelum ianya dipaparkan.
3. Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan akan memainkan peranan penting dalam pemantauan dan penyelarasan pelaksanaan Portal Kerajaan Negeri ini bagi memastikan supaya Jabatan/ Agensi Negeri sentiasa mematuhi garis panduan ini.

4. Semua Jabatan dan Agensi Negeri adalah dikehendaki mematuhi dan mengambil perhatian kepada Garis Panduan Pelaksanaan Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti yang dilampirkan kepada Surat Pekeliling ini.


PEMAKAIAN

5. Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan dan Agensi Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri untuk diterima pakai.

TARIKH KUATKUASA

6. Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh lanya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(JAMALUDIN BIN HASAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PORTAL KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

PENGENALAN

1. Perkembangan teknologi internet yang semakin pesat memberi peluang ke arah meningkatkan kualiti sistem penyampaian kerajaan berasaskan web. Selaras dengan perkembangan ini, penyediaan laman maklumat secara interaktif dan bersepadu atau dikenali sebagai '**portal**' menjadi pendekatan utama Kerajaan Negeri sebagai salah satu usaha ke arah memantapkan sistem penyampaian dan penyaluran maklumat/perkhidmatan.

LATAR BELAKANG

2. Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan gerbang tunggal kerajaan negeri yang memfokuskan kepada penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan awam negeri dan mempunyai ciri-ciri interaktif.

3. Portal ini menggantikan laman web kerajaan negeri sedia ada yang hanya menyalurkan maklumat secara statik dan proses pengemaskinian yang memerlukan kepada personel teknikal secara keseluruhannya.

4. Kandungan portal ini merangkaikan laman/portal Jabatan/Agensi Negeri, perkhidmatan online, panduan perkhidmatan, maklumat pentadbiran negeri, maklumat projek kerajaan negeri dan pusat media. Selain itu juga, portal ini juga menyediakan satu platform bagi memudahkan Jabatan/Agensi Negeri untuk menyumbang kandungan mengenai maklumat perkhidmatan terkini Jabatan/Agensi masing-masing sebagai rujukan dan makluman awam.

KONSEP

5. Portal Kerajaan Negeri mempunyai 5 saluran utama iaitu Info Penang, Kerajaan Negeri, Penang Maju, E-Khidmat, Pusat Media.

a) Info Penang / Penang Info

Saluran ini menyenaraikan maklumat asas berkaitan latarbelakang/ pengenalan Negeri Pulau Pinang secara umumnya.

b) Kerajaan Negeri / State Government

Maklumat yang terkandung dalam saluran ini adalah berkaitan struktur pentadbiran negeri yang terdiri daripada laman TYT Yang DiPertua Negeri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli Dewan Undangan Negeri, senarai rangkaian ke laman Jabatan/Agensi Negeri. Saluran ini juga merangkaikan laman web/portal negeri-negeri di seluruh Malaysia dan Jabatan/ Agensi utama perkhidmatan awam.

c) Penang Maju / On The Move

Menyediakan maklumat mengenai perkembangan dan status terkini projek-projek yang sedang/ telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

d) E-Khidmat / E-Services

Menyediakan kemudahan aplikasi secara online kepada pelanggan perkhidmatan awam negeri.

e) Pusat Media / Media Center

Saluran ini merupakan pusat rujukan berkaitan berita, pengumuman, kalendar aktiviti, tender dan kenyataan akhbar yang melibatkan kerajaan negeri.

6. Portal ini dibangun dengan menggunakan kaedah *Content Management System* (CMS) yang memudahkan proses kemasukan dan kemaskini kandungan secara online.

7. Kaedah ini juga menyediakan fungsi tapisan kepada Pengurus Kandungan (*Content Administrator*) bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan sesuatu kandungan sebelum ianya dipaparkan.

PELAKSANAAN

8. Kandungan Portal Kerajaan Negeri secara umumnya terbahagi kepada dua (2) kategori maklumat iaitu :-

a) Maklumat Aktif

Kategori maklumat aktif ini merangkumi saluran-saluran yang memerlukan pengurusan kemasukan/kemaskini maklumat secara lebih kerap.

Saluran-saluran yang terlibat adalah Berita/News, Kalendar Aktiviti/ Event Calendar, Pengumuman/Announcement, Penang Maju/On The Move, Kenyataan Akbar/Press Release dan Tender.

Kekerapan bagi proses pengemaskinian adalah setiap hari, seminggu sekali atau sebulan sekali.

b) Maklumat Separa Aktif

Kategori maklumat separa aktif merangkumi saluran-saluran yang tidak memerlukan kepada pengurusan kemasukan/kemaskini maklumat secara lebih kerap. Ini bergantung kepada pembaharuan/ penambahbaikan bagi maklumat sekiranya ada.

Saluran-saluran yang terlibat adalah E-Khidmat/E-Services dan Jendela Pelanggan/ Client Services.

Kekerapan bagi proses pengemaskinian adalah bergantung kepada pembaharuan/penambahbaikan sekiranya ada.

9. Kemasukan dan pengemaskinian maklumat ke Portal Kerajaan Negeri boleh diakses dengan menggunakan web browser melalui url <http://ams.penang.gov.my>

10. Jabatan/Agensi Negeri juga boleh memilih samada Pengurus Web masing-masing akan juga berperanan sebagai Pengurus Kandungan seperti yang dinyatakan di para 2 Surat Pekeliling atau melantik pegawai lain sebagai Pengurus Kandungan.

11. Setiap Pengurus Web dan/atau Pengurus Kandungan Jabatan/Agensi Negeri akan dibekalkan dengan *username* dan *password* bagi tujuan kemasukan dan kemaskini data khusus kepada pengguna yang sah sahaja.

12. Saluran yang terlibat bagi proses kemasukan/kemaskini maklumat adalah seperti berikut :

- a) Berita/News
- b) Kalendar Aktiviti/Event Calendar
- c) Pengumuman/Announcement
- d) Kenyataan Akhbar/Press Release
- e) Penang Maju/On The Move

- f) E-Khidmat/E-Services
- g) Jendela Pelanggan/Client Services
- h) Tender

13. Selain itu, portal ini juga menyediakan kemudahan saluran untuk sebarang pengiklanan/hebahan secara grafik. Jabatan/Agensi Negeri yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan ini perlulah menyediakan fail grafik tersebut dalam format .jpg atau .gif dan dihantar ke Pusat Komputer Negeri bagi proses paparan melalui alamat e-mel webmaster@penang.gov.my dengan tajuk/perkara e-mel “**Pengiklanan Secara Grafik Bagi Portal Kerajaan**”.

TANGGUNGJAWAB JABATAN/ AGENSI NEGERI

14. Bagi memastikan pelaksanaan kemasukan dan kemaskini Portal Kerajaan Negeri beroperasi dengan sempurna dan berkesan, Jabatan/ Agensi adalah bertanggungjawab mengambil tindakan-tindakan berikut :
- a. Memastikan perlantikan Pengurus Web (*Web Master*) dan/atau Pengurus Kandungan Jabatan/ Agensi dan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Komputer Negeri seperti di **Lampiran A**. Pengemaskinian butiran Pengurus Web dan/atau Pengurus Kandungan Jabatan/Agensi hendaklah dikemukakan dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang pertukaran.
 - b. Memastikan kandungan yang dimasukkan di dalam Portal Kerajaan oleh Jabatan/ Agensi adalah maklumat-maklumat rasmi yang betul dan sahih dan bukan maklumat terperingkat serta tertakluk kepada Arahan Keselamatan, Jabatan Perdana Menteri.
 - c. Memastikan maklumat mengenai Jabatan/Agensi masing-masing dikemaskini seperti dinyatakan di para 8 a) dan b) bagi memastikan penyaluran maklumat adalah yang terkini.
 - d. Jabatan/Agensi Negeri juga bertanggungjawab memastikan kandungan laman web masing-masing adalah yang terkini.
 - e. Akaun pengguna yang dibekalkan hendaklah disimpan dengan baik dan memastikan hanya pegawai yang bertanggungjawab sahaja berhak untuk mengakses dan melaksanakan proses pengemaskinian portal ini. Sebarang permasalahan mengenai akaun ini hendaklah dilaporkan kepada Pusat Komputer Negeri dengan kadar segera.

KHIDMAT NASIHAT

15. Sebarang kemusykilan dan keterangan lanjut mengenai kandungan Surat Pekeliling dan Garis Panduan Pelaksanaan Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang bolehlah dirujuk kepada :

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Paras 25, KOMTAR

10503 Pulau Pinang.

Tel. : 04-650 5160

Faks : 04-261 8618

E-mel : webmaster@penang.gov.my

PENUTUP

16. Garis Panduan ini mengandungi konsep dan pelaksanaan Portal Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi oleh Jabatan/ Agensi Negeri bagi memastikan kandungan Portal Kerajaan Negeri adalah yang terkini dari semasa ke semasa.

Pusat Komputer Negeri
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
 Paras 24, KOMTAR
 10503 Pulau Pinang
 (u.p. Pengurus Portal Kerajaan Negeri)

**PORTAL KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
 MAKLUMAT PENGURUS WEB JABATAN/AGENSI NEGERI**

JABATAN/AGENSI :

Adalah dengan ini dikemukakan senarai Pengurus Web dan/atau Pengurus Kandungan Jabatan/Agensi ini seperti yang digariskan di dalam Surat Pekeliling Bil. 1/2005 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

BIL	NAMA	JAWATAN	TELEFON	EMAIL	PERANAN (Sila ✓ di ruang berkaitan)	
					Pengurus Web	Pengurus Kandungan

Tandatangan		Cop Rasmi Nama & Jawatan	
Tarikh			